

DATO' SERI DR. MAHATHIR RESMI PEMBUKAAN
SEKOLAH KEBANGSAAN GUAR KEPAYANG

Ucapan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian ketika meresmikan pembukaan Sekolah Kebangsaan Guar Kepayang, Pendang, Kedah pada 30hb. Januari, 1978 jam 9.00 pagi.

Saya bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wataala kerana dapat kita pada pagi ini hadir bersama dalam upacara pembukaan resmi Sekolah Kebangsaan Guar Kepayang, Pendang. Atas kehormatan yang diberikan oleh pihak sekolah bagi saya melakukan upacara peresmian ini, saya ucapkan sebanyak terimakasih, dan berdoa kehadiran Illahi moga-moga upacara yang bersejarah ini akan meninggalkan kesan yang berfaedah bagi kepentingan pelajaran anak-anak kita di masa depan khususnya mereka dari kawasan Guar Kepayang ini.

Saya berasa sangat terharu terhadap usaha pihak sekolah serta ibubapa yang telah menyelenggarakan majlis ini dengan sebegitu permai walaupun dalam keadaan kemarau yang sedang menimpa kawasan ini. Saya rasa acara permai yang berlangsung ini menunjukkan rasa syukur dan bangga masyarakat di sini terhadap bangunan sekolah baru ini yang telah siap pembinaannya dalam tahun 1977 dan menelan belanja sebanyak \$140,000. Sekolah ini mengandungi sebanyak 4 bilik darjah, berpagar, mempunyai padang permainan, pejabat, bilik guru besar, bilik guru-guru, sator, tandas, tempat simpan basikal dan bekalan air.

Kita sama-sama termaklum bahawa pelajaran adalah amat penting kepada kita semua, dan adalah menjadi dasar Kerajaan menyediakan seberapa banyak peluang-peluang pelajaran kepada anak-anak kita. Dan dari segi pembangunan ekonomi pula pelajaran adalah menjadi asas utama untuk sesebuah negara itu berkembang dengan baik. Demikian juga bagi seseorang itu, ia boleh maju di dalam pekerjaannya seperti berniaga atau bertani jika ilmu pengetahuan di bidang-bidang tersebut ada padanya. Sebaiknya seseorang itu tidak mungkin akan berjaya di dalam perniagaan jikalau ia tidak mempunyai ilmu pengetahuan berhubung dengan perniagaan. Seseorang petani pula tidak akan dapat mengeluarkan hasil yang bertambah dan bermutu tinggi jikalau tidak dapat bertani secara moden dengan menggunakan alat-alat dan baja-baja yang berkesean. Pendek kata di dalam serba-serbi usaha yang kita lakukan itu perlu pada ilmu pengetahuan tertentu sebelum kita boleh maju dengan kadar yang cepat.

Berhubung dengan ini Kerajaan amatlah menitik-beratkan sistem pelajaran di negara ini supaya ianya bertambah kemas dan dengan itu lebih banyak kemudahan asas akan dapat disediakan supaya ini boleh meninggikan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah. Pembinaan sekolah ini merupakan satu projek pelajaran bagi menentukan bahawa murid-murid kita terutama yang di luar bandar mendapat kemudahan asas yang lebih lengkap dan saksama dan dengan itu mereka akan dapat menerima pelajaran dengan lebih sempurna lagi. Menteri Pelajaran yang baru telahpun menegaskan baru-baru ini tentang mustahaknya diperkembangkan jentera pelaksanaan dalam bidang ini bagi menjamin tercapainya matlamat ini.

(tambahan)

Ada banyak lagi usaha-usaha Kerajaan yang sedang dilakukan untuk memaju bidang pelajaran. Sekim Pinjaman Buku Teks percuma kepada semua murid-murid sekolah-sekolah Rendah Kebangsaan dan juga kepada yang layak di sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil serta sekolah-sekolah Menengah merupakan di antara rancangan-rancangan Kerajaan yang penting untuk menentukan murid-murid mendapat pelajaran yang lebih sempurna dan dengan itu menghadkan berlakunya keciciran. Semanjak Sekim Pinjaman Buku Teks dilancarkan dalam tahun 1975 sehingga tahun 1979 ini Kementerian Pelajaran telah berbelanja berjumlah kira-kira \$131 juta kesemuanya.

Saya sengaja menyebutkan angka perbelanjaan ini supaya rakyat sedar betapa sesungguhnya Kerajaan bertindak untuk memajukan kehidupan rakyat melalui pelajaran terutama di luar-luar bandar dan kepada mereka yang kurang mampu.

Namun demikian ingin saya mengingatkan bahawa kita belum lagi mencapai sepenuhnya matlamat kemajuan yang telah kita tetapkan seperti yang terkandung di dalam rancangan pembangunan negara kita. Dan kita semua sebagai rakyat yang mempunyai peranan yang tertentu di dalam melaksanakan rancangan pembangunan negara mengikut kebolehan dan kemampuan masing-masing, mestilah memainkan peranan masing-masing dengan penuh dedikasi dan rasa bertanggungjawab serta berkesan dalam hubungan ini.

Di sini suka saya menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan terhadap kemajuan sesebuah sekolah itu. Sekolah-sekolah yang indah seperti ini tidak akan bertambah maju jika tidak ada penglibatan dan kerjasama yang rapat antara guru-guru, ibubapa dan murid-murid secara bersungguh-sungguh dan ikhlas serta penuh tanggungjawab. Kita perlukan usaha-usaha yang padu dan tersusun berasaskan kerjasama dan persefahaman di antara semua pihak. Kita boleh berbangga dengan kemajuan pelajaran yang telah dicapai sehingga masa ini tetapi masih banyak lagi boleh kita lakukan untuk mencapai kemajuan yang lebih tinggi dan bermakna.

Saya sedar bahawa ibubapa adalah sebuk dengan pekerjaan bagi menyara hidup tanggungan masing-masing. Lebih-lebih lagi musim kemarau yang sedang melanda kawasan ini.

Namun demikian saya yakin pihak ibubapa dan guru-guru tetap dapat bekerjasama di antara satu sama lain demi kepentingan anak-anak sekoliah. Disinilah letaknya tanggungjawab Persatuan Ibubapa Guru-guru untuk mencari jalan supaya suasana kerjasama yang berasaskan persefahaman itu sentiasa berkekalan. P.I.B.G. yang cekap dan mempunyai kepimpinan yang baik dapat mengadakan asas tersebut dan akan dapat terus berusaha menjalankan kerjasama bagi kemajuan pelajaran yang lebih tinggi. Saya telah meneliti kemajuan sekolah ini dan saya dapati kemajuannya belum begitu memuaskan dan perlu pergigihkan lagi. Saya percaya dengan adanya bangunan yang serba lengkap ini murid-murid akan mencapai kemajuan yang lebih tinggi dan memuaskan. Seperti yang telah saya sebutkan, adalah terserah kepada guru-guru dan ibubapa untuk menjalankan ikhtiar bagi menjamin bahawa murid-murid di sekolah ini akan mencapai kejayaan cemerlang. Kemudahan hanya akan memberi manfaat bila ada rasa keyakinan dan tanggungjawab oleh pihak-pihak tertentu dalam menjalankan usaha untuk melihat bahawa anak-anak mencapai kemajuan yang diharap-harapkan.

Kemajuan di bidang pelajaran tidaklah mudah diukur. Ada pihak mengukurnya dari segi keputusan peperiksaan dan ujian yang dibari kepada murid-murid. Oleh itu ada di antara kita menggunakan keputusan peperiksaan sebagai ukuran bagi kemajuan sesebuah sekolah.

(tambahan)

Saya tidak hendak menolak atau menerima pendapat ini bulat-bulat. Kepada saya kejayaan di bidang pelajaran ialah bila-mana sekolah-sekolah ataupun sistem pelajaran itu dapat memberi sumbangan untuk melahirkan sebuah masyarakat yang bersatu-padu, berdisiplin, berpelajaran, berakhlak mulia dan sedia berkorban demi kemajuan dan ketahanan negara. Jikalau kualiti-kualiti atau nilai-nilai ini tidak tercipta walaupun murid-murid memperolehi keputusan yang baik di dalam peperiksaan mereka, maka ini bermakna kita belum mencapai kejayaan di bidang pelajaran dengan ertikata yang sebenarnya.

Anggota-anggota masyarakat mungkin boleh jadi kaya dan hidup mewah kerana kebolehan yang diperolehi melalui pelajaran waktu di sekolah dan di yayasan-yayasan pelajaran tinggi tetapi mereka belum tentu dapat menolong melahirkan masyarakat adil kalau mereka hanya mementingkan diri sendiri atau golongan mereka sahaja dengan mengenyepikan hak dan kepentingan orang ramai.

Oleh yang demikian pemimpin-pemimpin dan rakyat seluruhnya perlulah melihat sesuatu itu dari sudut atau pandangan yang lebih meluas dan berusaha bagi melahirkan nilai-nilai positif di kalangan masyarakat kita. Rumah tempat kediaman kita adalah merupakan tempat pertama anak-anak kita membentuk sikap dan nilai yang betul, kemudian baru di sekolah dan kemudiannya pula dari masyarakat sendiri. Ketiga-tiga golongan ini iaitu ibubapa, sekolah dan masyarakat perlu menyatukan tenaga dan bekerjasama untuk membangunkan negara berasaskan kepada nilai-nilai yang positif dan membangun. Pihak Kerajaan akan terus berusaha membuat rancangan membangunkan negara sehingga segala matlamat tercapai. Kerajaan akan terus mengkaji dan memajukan rancangan pelajarannya. Kerajaan percaya pelajaran terutama pelajaran di bidang sains dan teknologi merupakan alat terpenting untuk membangunkan ekonomi sesebuah negara termasuk negara kita yang sedang pesat membangun ini. Saya berharap semua pihak yang berminat terhadap pelajaran mengambil berat terhadap pelajaran anak-anak di bangku sekolah. Kanak-kanak di luar bandar seperti di Guar Kepayang ini perlukan lebih banyak perhatian untuk mereka maju di dalam pelajaran. Mereka mempunyai sama hak untuk maju dan mereka mempunyai sama hak untuk berjaya dalam hidup tidak kira apa bidang sekalipun seperti juga rakyat di kawasan-kawasan lain.

Walaupun saya tidak lagi menjadi Menteri Pelajaran tetapi sebagai salah seorang anggota Kerajaan saya turut bertanggungjawab atas rancangan-rancangan pembangunan negara. Berhubung dengan pelajaran saya percaya Kementerian berkenaan adalah dipimpin oleh seorang Menteri yang mendapat kepercayaan penuh oleh rakyat. Saya yakin kepercayaan dan sokongan tuan-tuan dan puan-puan itu akan berterusan. Dengan adanya sokongan tersebut Insyaallah negara kita akan mencapai lebih banyak kemajuan lagi di masa hadapan bukan sahaja di bidang pelajaran bahkan di semua bidang.

Dengan itu, maka saya dengan segala sukacitanya meresmikan pembukaan sekolah Kebangsaan Guar Kepayang ini.

KUALA LUMPUR,
30hb. Januari, 1978. (dikeluarkan pada pukul 10.30 pagi)

jh/maz

- - - - -